

KONSEP HOSPITAL MESRA IBADAH: PENGENALAN PRODUK KEPENGGUNAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DI MALAYSIA

HAMMAD MOHAMAD DAHALAN
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
Bangi, Selangor.
hammad@kuis.edu.my

MOHD ZULKIFLI BIN AWANG
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
Bangi, Selangor.
Zul_zykr@yahoo.com

MUSTAFA 'AFIFI AB. HALIM, PH.D
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
afiusim@gmail.com / afifi@usim.edu.my

ABSTRAK

Konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) merupakan satu program Islamisasi pengurusan yang telah dilaksanakan di kementerian kesihatan Malaysia (KKM) sejak tahun 2014. Program ini bertujuan mengangkat konsep kesihatan secara holistik yang merangkumi aspek fizikal, psikologi, mental dan spiritual. Sehubungan dengan itu, konsep Hospital Mesra Ibadah ini perlu diperhalusi dengan lebih baik untuk diterjemahkan kepada masyarakat. Penyelarasan elemen-elemen di dalam konsep Hospital Mesra Ibadah perlu dipraktikkan ke dalam setiap hospital yang ingin mengamalkan konsep HMI ini. Namun begitu, keselarasan ini tidak berlaku dengan baik, bahkan kesamaran tentang konsep ini masih timbul dalam kalangan masyarakat terutamanya hospital-hospital yang ingin mengambil konsep ini untuk dilaksanakan dalam sistem pengurusan mereka. Justeru, produk kepenggunaan ini perlu dipromosikan secara meluas kepada masyarakat dengan menterjemahkan elemen-elemen utamanya secara jelas bagi menyatakan bahawa sesebuah hospital mengamalkan konsep HMI. Maka metode kajian ini dijalankan secara pendekatan kualitatif di mana rujukan dokumentasi dengan membuat penelitian ke atas data-data dan maklumat-maklumat daripada buku, kertas kerja dan dokumen lain yang berkaitan.

Kata Kunci: Konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI), produk kepenggunaan, elemen HMI

PENGENALAN

Islam adalah agama yang mampu menyelaraskan kehidupan duniawi dengan kehidupan akhirat. Dalam Islam, dunia merupakan tempat bagi seorang Muslim untuk menanam kebaikan di setiap aktiviti kehidupan, untuk kemudian mendapatkan balasan kebaikan di dunia dan akhirat. Proses menanam kebaikan ini menuntut sikap pasrah untuk menerima kehidupan sebagai tempat ujian.

Maka Islam meletakkan pengurusan kehidupan sebagai tunjang utama dalam setiap kehidupan Muslim. Manifestasi pekerjaan sebagai ibadah inilah yang akan melahirkan muslim professional dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dalam pelbagai sudut kehidupan.

Sehingga kini, lebih 146 hospital awam seluruh negara melaksanakan konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 60 pegawai JAKIM ditempatkan di 55 hospital pakar yang bertanggungjawab menerapkan budaya murni dan penerapan akhlak baik kepada kakitangan ketika menjalankan tugas. Bagaimanapun, hasil konsep ini bukan boleh dilihat cepat, sebaliknya mengambil masa lama kerana perlu menukar budaya dan cara pemikiran masyarakat. (Harian Metro, 31 Julai 2017).

Dalam merealisasikan hasrat ini, komitmen semua badan yang terlibat patut diambil serius. Hal ini demikian kerana program ini merupakan satu produk kepenggunaan yang baik untuk diketengahkan ke dalam masyarakat. produk HMI ini yang semakin mendapat tempat di setiap hospital, diwacanakan dalam pelbagai diskusi, dibahaskan di dalam seminar dan telah diangkat sebagai salah satu dakwah hospital dalam menjaga aspek spiritual pesakit bahkan tidak meninggalkan pembangunan modal insan staff hospital. Bahkan, pelancaran Hospital Mesra Ibadah pada 25hb Febuari 2014 oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk seluruh hospital kerajaan di Malaysia sebagai satu produk kepenggunaan yang perlu dipandang serius oleh segenap lapisan masyarakat. (Hospital Serdang: 2019).

Namun, isu yang timbul dalam pelaksanaan HMI ini ialah tiada penyeragaman yang khusus dalam meletakkan sesuatu hospital itu dikatakan sebuah hospital yang berkonsepkan HMI. Maka di sinilah, satu garis panduan yang diperlukan untuk menyatakan bahawa hospital tersebut dikategorikan sebagai HMI. Maka di sinilah, satu cadangan panduan dan elemen yang seharusnya dilaksanakan dalam penilaian ini.


PRODUK KEPENGGUNAAN

Konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) boleh dikategorikan sebagai salah satu produk kepenggunaan perkhidmatan kesihatan yang boleh diketengahkan kepada masyarakat umum. Pelbagai tawaran yang terdapat di dalam konsep HMI ini yang dapat menarik pelanggan terutamanya pesakit dalam wad dan pesakit luar.

Menurut SM Mohamed Idris (1987) menyatakan bahawa produk kepenggunaan terdapat tiga elemen asas, iaitu pengguna, pengusaha dan produk barangan dan bukan barangan atau perkhidmatan. Justeru, dalam wacana kepenggunaan bukan hanya menfokuskan pengguna (*consumer*) samata-mata, sebaliknya ia merangkumi semua pihak seperti pengusaha (*manufacturer*), peruncit (*retailer*), peniaga (*dealer*) dan seumpamanya. Ia juga bukan hanya mengenai hak-hak dan keselamatan pengguna, sebaliknya turut meliputi aspek barangan, perkhidmatan dan sebagainya. Maka boleh difahami bahawa HMI merupakan salah satu produk kepenggunaan dalam konteks perkhidmatan kesihatan.

Perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi aspek Islamisasi pengurusan perkhidmatan kesihatan yang menekankan kepada aspek penekanan ibadah dalam kalangan pesakit dan pelawat seperti peringatan solat, penyediaan fasiliti ibadah, peringatan solat dan sebagainya. Bahkan pembangunan modal insan kakitangan hospital turut ditekankan dengan mempergiatkan aktiviti kerohanian dalam kalangan mereka seperti kursus fiqh ibadah pesakit, tazkirah, usrah dan sebagainya. Di sinilah, pembangunan akal dan hati dibina sebaik sahaja para kakitangan baru melapor tugas dan dibina kefahaman dari masa ke masa. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).

Teori kepenggunaan yang dipakai oleh Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin (2015) yang meletakkan hubungan timbal balik (*reciprocal*) antara pengusaha, pengguna dan produk memperlihatkan kepada semua bahawa produk yang ditawarkan ke dalam masyarakat mempunyai permintaan jika mempunyai unsur-unsur yang bersesuaian dengan permintaan. Dalam konteks ini, HMI dikategorikan sebagai produk kepenggunaan yang berunsurkan perkhidmatan kesihatan. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perkhidmatan kesihatan di negara ini bermula sejak sebelum merdeka lagi. Namun, perkhidmatan kesihatan diberi nafas baharu dengan memperkenalkan produk HMI pada 2014 sebagai salah satu program sokongan di setiap hospital kerajaan dan semakin diterima pula oleh hospital swasta.



Rajah 1: Hubungan Timbal balik (reciprocal) antara Pengusaha, Pengguna dan Produk

Berdasarkan rajah 1, pengusaha dan pengguna merupakan mereka yang memainkan peranan penting dalam pasaran penawaran dan permintaan produk atau barangan. Umumnya, ia permulaan sesuatu produk adalah daripada pengusaha sama ada yang bertindak mengeluarkan barangan, pemprosesan dan pengedaran, peruncitan serta perkhidmatan. Melalui produk HMI, produk yang dinilai dikira sebagai produk perkhidmatan. Hospital sebagai badan yang memberi perkhidmatan akan melaksanakan konsep HMI ini. Maka pesakit akan dilayan secara perkhidmatan yang terbaik. Dengan itu, lahirlah sebuah hospital yang memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik. Hospital Mesra Ibadah (HMI) merupakan program di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang merupakan satu konsep yang digunakan dalam pengurusan hospital untuk mencapai nilai-nilai kecemerlangan dan jati diri pada kakitangan hospital serta memfokuskan kepada kesejahteraan pelanggan melalui penerapan dan penghayatan ibadah semasa dan selepas mendapat rawatan. (Hospital Serdang: 2019).

Selain itu, Hospital Mesra Ibadah bertujuan untuk memberi kesedaran melalui pendidikan pesakit dan keluarga agar sentiasa dekat dengan Allah SWT. Pihak pengurusan memberikan komitmen

yang tinggi dalam mewujudkan kesedaran sedemikian dan secara aktif memudahkan perkhidmatan keagamaan. (Hospital Pakar Al-Islam: 2019).

KONSEP HOSPITAL MESRA IBADAH

Menurut Hammad Bin Mohamad Dahalan, Zaini Yusnita Binti Mat Jusoh dan Sharifah Hana Binti Abd Rahman (2019) menyatakan bahawa konsep Hospital Mesra Ibadah (HMI) merangkumi pelbagai matlamat, yang asas merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan pada masa sekarang dan juga pada masa akan datang dan mendapat *mardhatillah*. Ianya tidak dihadkan hanya membimbing pesakit dalam mendirikan solat sahaja. Objektif yang paling utama adalah untuk menjaga kesihatan orang Muslim, pekerja, pesakit, kenalan dan sesiapa sahaja yang wujud dalam kehidupan kita untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Secara ringkasnya, perkara ini memudahkan kita untuk menjalankan tugas sebagai *daie* dan khalifah Allah SWT.

Hospital Mesra Ibadah (HMI) merupakan satu konsep yang digunakan dalam pengurusan hospital untuk mencapai nilai-nilai kecemerlangan dan jati diri pada warga kerja serta memfokuskan kepada kesejahteraan pelanggan melalui penerapan dan penghayatan ibadah semasa dan selepas mendapat rawatan. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).

Sehubungan dengan itu, menurut Ishak Masud (2016) menyatakan bahawa HMI menyediakan kemudahan untuk melaksanakan ibadah kepada pesakit yang mendapatkan rawatan seperti buku Panduan Ibadah Pesakit, penyediaan fasiliti beribadah seperti tanda arah kiblat, botol semburan, debu tayamum, Al-Quran, telekung, sejadah, Al-Ma'thurat dan peringatan solat; panduan kehamilan (antenatal) dan semasa proses kelahiran serta perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah wanita, informasi berkaitan ibadah pesakit seperti solat, puasa dan lain-lain berkaitan; sokongan, bantuan dan bimbingan kerohanian kepada pesakit dan keluarga semasa di dalam wad, ketika nazak dan membantu memudahcara pengebumian serta memberi sumbangan kepada keluarga si mati; dan membantu pesakit berpuasa semasa menerima rawatan di hospital. Bahkan dalam merealisasikan konsep ini, peranan pegawai agama sangatlah penting, penyediaan pegawai agama telah dijadikan satu asas dalam melaksanakan ziarah pesakit, memberi bimbingan kerohanian dan pelbagai aktiviti agama yang lain. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).

PANDUAN ASAS HOSPITAL MESRA IBADAH

Menurut Hammad Bin Mohamad Dahalan, Zaini Yusnita Binti Mat Jusoh dan Sharifah Hana Binti Abd Rahman (2019) menyatakan bahawa hospital merupakan sebuah institusi yang menjadi tempat tujuan para pesakit bagi mendapatkan rawatan. Jika mereka dimasukkan ke hospital sebagai pesakit, secara automatik mereka dianggap sebagai ‘lemah’, ‘tidak berdaya’ dan terkecuali daripada melaksanakan rutin harian termasuk melaksanakan ibadah. Secara realitinya, perkara ini terus berlaku kerana ketidakfahaman pesakit dan petugas perubatan dalam memahami hukum hakam berkaitan isu fekah perubatan yang banyak berlaku pada masa kini. Maka di sinilah, garis panduan asas perlu diberikan kepada setiap petugas perubatan untuk memudahkan pesakit untuk terus beribadah walaupun dalam keadaan susah dan menderita sakit. Antaranya;

Maqasid Syariah

Kaedah Maqasid Al-Syariah dan Qawaid Al-Fiqhiyah dijadikan garis panduan bagi membantu pengamal perubatan membuat keputusan yang bertepatan dengan kehendak Islam.

Maqasid Al-Syariah bermaksud objektif utama syariah yang disusun oleh para ulama berdasarkan konsep mengambil segala kebaikan (masalah) dan menolak segala kesulitan (mashaqah). Ia menjelaskan tujuan dan matlamat hukum syariah dalam Islam mengikut keutamaan. Maqasid Al-Syariah dibahagikan kepada tiga bahagian Dharuriyat, Hajiyyat dan Tahsiniyyat. Dalam konteks petugas perubatan, bahagian Dharuriyat ini khususnya perlu difahami dan dihayati bagi memudahkan perjalanan tugas dan membuat keputusan.

Bagi petugas perubatan yang melaksanakan tugas berlandaskan garis panduan Islam, berikut adalah lima asas utama Maqasid Al-Syariah yang harus dipatuhi turutan iaitu; yang pertama, memelihara agama (حفظ الدين) iaitu petugas perubatan harus memelihara agama dalam setiap keputusan yang diambil semasa merawat pesakit; kedua, memelihara nyawa (حفظ النفس) iaitu ilmu perubatan digunakan untuk menjaga dan memastikan kualiti hidup yang terbaik untuk melaksanakan ibadah kepada Allah; ketiga, memelihara akal (حفظ العقل) iaitu petugas perubatan dipertanggungjawabkan untuk membantu memelihara akal dalam setiap keputusan dan tindakan

yang diambil termasuk isu yang berkaitan mental dan psikologi seperti pengambilan arak dan dadah; keempat, memelihara keturunan (حفظ النسل) iaitu penjagaan untuk memastikan keturunan umat manusia ini berada pada tahap terbaik merangkumi institusi kekeluargaan termasuk penjagaan antenatal, kanak-kanak dan semasa kehamilan; dan yang terakhir, memelihara harta (حفظ المال) iaitu harta adalah amanah Allah s.w.t. Manusia hanya sekadar pemegang amanah yang akan dipertanggungjawabkan kelak. Manusia harus menjaga harta dengan baik secara menyeluruh dan prioriti yang wajar. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).

Menurut Omar Hassan Kasule (2016), prosedur perubatan adalah beretika sekiranya ianya memenuhi atau tidak bertentangan dengan satu atau lebih daripada 5 asas utama Maqasid Syariah. Ianya tidak beretika sekiranya melanggar satu atau lebih daripadanya. Sejak 20 tahun yang lalu, pemahaman ini dengan rahmat Allah s.w.t telah dijelaskan dan diterima pakai di fakulti-fakulti perubatan dan hospital-hospital di Malaysia dan di negara-negara yang lain. Paradigma baru dalam etika perubatan Islam mula bercambah. Maqasid Syariah menyediakan cara yang mudah dan teguh untuk pakar perubatan yang sibuk untuk membuat perubahan dalam prosedur perubatan dalam masa yang singkat. Kita perlu berhati-hati dengan terlalu banyak menggunakan ijtihad maqasid di kawasan-kawasan yang sudah jelas dengan keterangan bertulis.

Qawaid Fiqhiyah

Perlaksanaan Maqasid Al-Syariah ini berdasarkan lima prinsip utama dalam Qawaid Al-Fiqhiyyah (*Legal Maxims*) iaitu; pertama, niat (القصد) yang mana setiap perkara yang dilakukan mestilah kerana Allah s.w.t; kedua, keyakinan (اليقين) iaitu tahap keyakinan yang tinggi mestilah wujud apabila membuat setiap keputusan; ketiga, (الضرر) yang mana beberapa kaedah haruslah difahami daripada prinsip ini seperti, keharusan membantu menghilangkan kecederaan sekiranya berlaku, sesuatu kecederaan tidak harus dibantu dengan cara yang akhirnya memberi kesan yang sama, pencegahan diutamakan dalam pengubatan, perkara yang haram mestilah dipertimbangkan sebelum melaksanakan perkara yang halal, apabila terdapat dua pilihan, ambil yang kurang mudharat, kepentingan ummah mengatasi kepentingan individu, dan melakukan solat istikharah sekiranya terlalu sukar untuk membuat pilihan.

Keempat, keberatan (المشقة) iaitu kemudaran membolehkan kita membuat sesuatu yang tidak dibenarkan dalam syariat, membuat sesuatu yang berlawanan dengan syariat mesti ada batasan dan tidak berpanjangan, dan tidak dibenarkan memberi tanggungjawab kepada orang lain apabila menghadapi sesuatu kesusahan. Yang terakhir, kelima, adat (العرف) iaitu cara merawat satu penyakit haruslah mengikut piawaian yang diterima pakai. Kelima-lima prinsip ini dapat membantu dan menjaga Maqasid Al-Syariah bagi petugas-petugas perubatan dalam melaksanakan tugas harian. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).

Pemahaman konsep Dharurah dan Rukshah

Dalam pelaksanaan konsep HMI, semua pihak terutama kakitangan hospital perlu memahami konsep dharurah dan rukshah. Hal ini demikian kerana konsep ini sinonim dengan hospital. bahkan ianya bersangkutan paut dengan ibadah yang ingin dilaksanakan oleh pesakit, kakitangan hospital, waris dan sebagainya. Isu yang perlu diberi penekanan ialah berkenaan solat, wudhuk, tayammum dan sebagainya.

Menurut Wahbah Al-Zuhaili (2006) menyatakan bahawa dharurah merupakan keadaan bahaya atau yang terlalu menggugat kebiasaan manusia dan boleh memberi kesan atau kecederaan samada kepada diri, anggota, harta dan kepunyaan, akal sehingga memaksa seseorang melakukan sesuatu yang haram atau meninggalkan yang wajib termasuk juga melewati tanggungjawab sehingga saat tertentu semata-mata kerana mengurangkan bebanan darurat. Neracanya mestilah Syarak.

Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa memakannya kerana darurat sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas iaitu pada kadar benda yang dimakan itu, maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.” (al-Baqarah: 173).

Melalui kefahaman ini, maka konsep HMI mampu diterjemahkan dengan mudah di segenap hospital. Hal ini demikian kerana masyarakat masih baru dalam kerangka fiqh kesihatan terutama dalam konteks ibadah solat ketika sakit, puasa ketika sakit, rawatan ketika sakit dan sebagainya.

Dengan itu, kefahaman terhadap konsep dharurah dan rukshah akan menjadikan produk HMI akan dapat diterima dalam kalangan masyarakat terutamanya pesakit yang berada di hospital. Justeru, ibadah mereka dapat dilaksanakan dengan bantuan kakitangan perubatan kesihatan. Inilah yang menunjukkan Islam sebagai agama yang bersifat menyeluruh yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan, baik fiqh ketika sihat mahupun ketika sakit. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).

ELEMEN UTAMA PEMBENTUKAN HOSPITAL MESRA IBADAH

Komiti

Pembentukan komiti atau kumpulan dalam sesuatu syarikat sangat penting. Hal ini demikian kerana dengan pembentukan sesuatu komiti akan melahirkan satu kesatuan idea yang akan menggerakkan sesuatu pekerjaan yang lebih sistematik. Menurut Stoner dan Wankel (1985) menyatakan bahawa hasil daripada proses pengorganisasian merupakan struktur organisasi. Ini kerana terdapat empat prinsip penting yang wujud dalam organisasi iaitu pengkhususan kerja, proses skala dan kefungisian, jangkauan pengurusan dan yang terakhir sekali adalah struktur. Dalam konteks menterjemahkan produk HMI ke dalam pengurusan hospital, maka pembentukan komiti HMI atau sekretariat HMI menjadi sesuatu kewajipan. Namun begitu, pembentukan komiti ini mestilah daripada pengurusan yang tertinggi yang menguasai komiti HMI terutama keterlibatan pengarah hospital. Gabungan ahli yang pelbagai jawatan adalah satu keperluan dalam meletakkan produk HMI lebih daripada sekadar program kerohanian yang hanya melibatkan ibadah solat semata-mata tetapi komiti melihat pembentukan komiti ini sebagai metod untuk menterjemahkan Islamisasi pengurusan kesihatan yang melihat keseluruhan nilai Islam yang akan meresapkan ke dalam jiwa kakitangan hospital terutamanya kakitangan Muslim.

Melalui komiti HMI yang komited akan melahirkan satu organisasi yang mantap dalam melaksanakan konsep HMI di sesuatu hospital. Seperti mana yang telah dibahaskan bahawa pentadbiran dan pengamal perubatan yang juga merupakan asas terpenting dalam melakukan perubahan daripada konsep yang sedia ada kepada konsep HMI. Usaha-usaha yang perlu dilakukan melalui elemen ini hendaklah dimantapkan dengan aktiviti yang bersepadu dan sentiasa

berkekalan kepada seluruh peringkat organisasi sehinggalah kepada pesakit. Faktor dalam menjayakan HMI perlu difokuskan kepada perubahan yang dilakukan ke atas setiap lapisan pekerja. Perubahan ini hendaklah dilakukan secara menyeluruh dengan unsur-unsur keimanan, amalan, pemikiran dan kebersihan hati setiap pekerja yang mengamalkan konsep HMI. (Hospital Serdang: 2019). Natiuhnya konsep HMI ini dapat diterjemahkan secara menyeluruh kepada keseluruhan kakitangan dan masyarakat.

Budaya

Menghidupkan budaya HMI adalah salah satu elemen yang sangat penting. Hal ini demikian kerana dengan adanya budaya, maka pelaksanaan HMI akan lebih diterima dalam kalangan kakitangan dan masyarakat terutama pesakit dan pengunjung. Pacanowsky dan O'Donnell Trujillo (1983) mengungkapkan bahawa budaya adalah suatu cara hidup di dalam suatu organisasi, budaya bukanlah sesuatu yang dimiliki organisasi, tetapi organisasi itu sendiri adalah budaya. Maka boleh kita fahami bahawa kehidupan organisasi dapat ditemukan pada budaya yang dimiliki di dalam sesuatu organisasi kerana keduanya saling berkait antara satu sama lain.

Manakala Sharifah Hayaati Syed Ismail Al-Qudsy (2008) menyatakan bahawa penjelasan tentang konsep budaya kerja cemerlang juga dikupas dari perspektif Islam untuk menjelaskan bagaimana Islam memberikan penegasan dan penganjuran terhadap nilai- nilai murni dalam perkhidmatan. Budaya yang baik akan melahirkan satu budaya kerja yang cemerlang. Dengan budaya HMI maka penerapan nilai Islam akan berlaku. Antara budaya yang boleh diketengahkan ialah melihat pekerjaan sebagai satu ibadah. Maka di sinilah akan lahir satu konsep *itqan* dan *ihsan* dalam melakukan pekerjaan. Sepertimana dibahaskan bahawa penerapan nilai murni adalah untuk mencapai keredhaan Allah SW. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).

Zulfikri Bin Ab. Talib (2015) menyatakan bahawa budaya kerja, kepimpinan dan komitmen organisasi dalam kalangan kakitangan adalah penting dalam meningkat perubahan dan pencapaian dalam pelaksanaan sesebuah misi dan visi syarikat. Maka dalam pelaksanaan konsep HMI ini setiap masyarakat terutama kakitangan hospital perlu menghidupkan budaya HMI. Budaya ini akan mempengaruhi masyarakat untuk turut serta dalam pelaksanaan ini tanpa disedari. Sebagai

contoh, Hospital Pakar Al-Islam melaksanakan budaya nilai Islami dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit dan pelanggan seperti konsep “Senyum dan Salam” dan “Anda Tetamu Kami”. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).

Menekankan amalan-amalan yang perlu dijadikan rutin oleh pengamal perubatan seperti pengisian kerohanian, salam, selawat, doa, ceramah, tazkirah, poster, risalah dan jadual waktu pesakit semasa menerima rawatan yang membolehkan pesakit melakukan ibadah seperti contoh solat berjemaah bersama ahli keluarga. mewujudkan persekitaran dan suasana HMI di dalam institusi perubatan. Solat fardhu dilakukan secara berjemaah bersama-sama dengan pesakit disamping kemudahan bilik solat di wad atau berhampiran, bauan aromaterapi hiasan dan poster serta ketersediaan kitab-kitab doa, hadith dan Al-Quran di setiap katil pesakit. (Hospital Serdang: 2019).

Fasiliti

Menurut Hammad Mohamad Dahalan, Sharifah Hana Abd Rahman, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Mashitah Nabees Khan & Mohd Zulkifli Awang (2018) menyatakan bahawa pembentukan Hospital Mesra Ibadah (HMI) merupakan satu keperluan oleh masyarakat pada hari ini khususnya dalam aspek prasarana yang disediakan oleh pihak hospital. Kemudahan prasarana yang disediakan membantu melicinkan urusan ibadah pesakit serta pengurusan hospital dalam menyampaikan khidmat rawatan kepada pesakit dan keselesaan kakitangan. Fasiliti ini merangkumi kelengkapan ibadah seperti buku panduan ibadah, sejadah, botol spray, debu tayammum dan sebagainya. Penyediaan ruangan solat juga merupakan sesuatu yang harus dititikberatkan, ini tidak bermaksud menyediakan surau semata-mata, tetapi menyediakan ruang untuk memudahkan pesakit untuk bersolat, seperti ruangan khas dan peralatan yang diperlukan pesakit. Bahkan bantuan terhadap ibadah juga merupakan salah satu fasiliti yang dituntut.

Talqin

Mentauhidkan Allah SWT adalah matlamat utama dalam Islam. Maka produk HMI perlu menekankan kepada lafaz kalimah syahadah dalam segenap prosuder, baik ketika pembedahan dan juga memberi bantuan yang kritikal ketika pesakit nazak. Talqin menjadi syarat utama dalam pelaksanaan HMI ini. Hal ini demikian kerana untuk menterjemahkan HMI ini adalah sesuatu bantuan kepada pesakit dalam

mengucap kalimah syahadah ketika menghadapi “*sakaratul maut*”. Maka konsep kehidupan atas dasar Allah SWT yang menciptkan manusia dapat dicapai melalui bantuan talqin ini. Maka visi dan misi kehidupan dapat dicapai oleh setiap pesakit dalam menggapai keredhaan Allah SWT. Di sinilah perlu perawat yang sentiasa mengingatkan diri pesakit kepada Allah SWT. (Hospital Pakar Al-Islam: 2014).

Firman Allah S.W.T di dalam al-Qur’an:

Maksudnya: “*Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah SWT yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu ia bersemayam di atas ‘Arasy; ia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan pantas yakni silih berganti dan Ia pula yang menciptakan matahari dan bulan serta bintang-bintang, semuanya tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, kepada Allah SWT jualah urusan menciptakan sekalian makhluk dan urusan pemerintahan. Maha suci Allah SWT yang Maha mentadbir sekalian alam.*” (Al-‘Araf 7:54).

KESIMPULAN

Konsep Hospital Mesra Ibadah merupakan salah satu produk kepenggunaan melalui perkhidmatan kesihatan yang semakin mendapat tempat dalam hati setiap masyarakat, Muslim dan Non-Muslim. Hal ini jelas apabila hampir keseluruhan hospital ingin melaksanakan konsep HMI ini. Di sinilah memperlihatkan kepada kita bahawa penerimaan yang baik ini sebenarnya memerlukan komitmen dan usaha pelbagai pihak dalam menjayakan konsep ini terus dipercayai dalam kalangan masyarakat. Amalan mulia yang terkandung dalam konsep HMI ini sebenarnya meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan untuk terus dipandang tinggi oleh masyarakat. Maka, seharusnya pihak berwajib terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu lebih serius dalam mempersembahkan konsep HMI ini ke seluruh hospital kerajaan. Manakala pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu bekerjasama dengan KKM dalam melaksanakan program ini ke satu tahap yang boleh dibanggakan. Dengan satu garis panduan penentuan dan pengesahan HMI secara seragam dengan memberi panduan elemen yang sewajibnya untuk mana-mana hospital dikategorikan sebagai Hospital yang melaksanakan konsep HMI ini.

RUJUKAN

1. Al-Qur'an
2. Hammad Mohamad Dahalan, Sharifah Hana Abd Rahman, Zaini Yusnita Mat Jusoh, Mashitah Nabees Khan & Mohd Zulkifli Awang. (2018). *Pelaksanaan Hospital Mesra Ibadah di Konsortium Hospital Islam Malaysia (KHIM): Satu Kajian Literatur*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah: KUIS.
3. Hammad Bin Mohamad Dahalan, Zaini Yusnita Binti Mat Jusoh & Sharifah Hana Binti Abd Rahman. (2019). *Analisis Tahap Kefahaman Warga Kerja Hospital Mesra Ibadah Di Konsortium Hospital Islam Malaysia (KHIM)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Selangor.
4. Harian Metro. (2017). *146 Hospital Awam Laksana Konsep Mesra Ibadah*. Diakses pada 20 Julai 2019. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/07/249128/146-hospital-awam-laksana-konsep-mesra-ibadah>
5. Hospital Pakar Al-Islam. (2014). *Hospital Mesra Ibadah*. Hospital Pakar Al-Islam: Kuala Lumpur.
6. Hospital Pakar Al-Islam. *Hospital Mesra Ibadah*. Diakses pada 20 Julai 2019. <https://www.al-islamhospital.com.my/hmi.html>
7. Hospital Serdang. *Hospital Mesra Ibadah*. Diakses pada 20 Julai 2019. <https://hserdang.moh.gov.my/index.php/ms/hidden-menu/362-hospital-mesra-ibadah>
8. Ishak Masud. (2016). *Ibadah Friendly Hospital (IFH)*. In Outline: Ibadah Friendly Hospitals. Hospital Pakar Al-Islam: Kuala Lumpur.

9. Kementerian Kesihatan Malaysia. *Sejarah KKM*. Diakses pada 20 Julai 2019.
<http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/1006>
10. Omar Hasan Kasule (2016). *Incorporating Moral Values and Maqasid Al-Shariah into Medical and Healthcare Practices*. In Outline: Ibadah Friendly Hospitals. Hospital Pakar Al-Islam: Kuala Lumpur.
11. Pacanowsky, M. & O'Donnell-Trujillo, N. (1983). *Organizational Communication as Cultural Performance*. Communication Monographs.
12. Sharifah Hayaati Syed Ismail Al-Qudsy. (2008). *Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam: Amalan Perkhidmatan Awam Malaysia*. Jurnal Pengajian Melayu.
13. SM Mohamed Idris. (1987). *Masalah dan Prospek Pengguna di Malaysia. Persatuan Pengguna Pulau Pinang*: Pulau Pinang.
14. Stoner, J.A.F. & Wankel, C. (1985). *Management*. London: Prentice-Hall.
15. Wahbah Zuhaili. (2006). *Mausu'ah Al-Quraniah Al-Musyassarah*. Darul Fikr: Damsyik.
16. Zulfikri Bin Ab Talib. (2015). *Pengaruh Amalan Budaya Organisasi, Kepimpinan Dan Komitmen Pegawai Pendidikan Daerah Terhadap Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)*. Universiti Utara Malaysia.